

Galeri Tun Ghafar Baba dinaik taraf

Oleh Badrul Hizar Ab Jabar

MELAKA: Kerajaan Pusat bersetuju menaikkan taraf Galeri Tun Ghafar Baba di Bukit Peringgit, dekat sini, menjadi memorial dengan kos kira-kira RM10.5 juta sebagai menghargai jasa dan pengorbanan bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Ketua Pengarah Arkib Negara, Sidek Jamil, berkata keputusan itu yang dibuat menerusi mesyuarat Kabinet pada 31 Januari lalu, juga bertujuan memelihara dan memperoleh pelbagai artifak bersejarah berkaitan negarawan berkenaan.

"Tapak memorial itu sudah dikenal pasti berhampiran dengan galeri berkenaan yang dianggarkan seluas 0.5 hektar," katanya ketika ditemui selepas majlis penyerahan Galeri Tun

Ghafar Baba oleh Perbadanan Muzium Melaka (Perzim) kepada Arkib Negara, di sini, semalam.

Pada majlis itu, Perzim diwakili Pengerusinya, Datuk Wira Hamdin Abdollah; manakala Arkib Negara diwakili Sidek.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi Perzim, Datuk Abdul Aziz Abd Ghani dan dua anak Allahyarham Ghafar iaitu Tamrin dan Datin Wira Zainun.

Sidek berkata, projek Memorial Tun Ghafar Baba yang bakal diwujudkan itu bakal menjadi wadah bagi membangkitkan dan mengekalkan kesedaran rakyat mengenai sejarah Malaysia supaya semangat cintakan negara terus dipupuk di kalangan generasi muda.

Katanya, objektif penubuhan memorial adalah satu daripada carakerajaan menengang jasa beliau, selain memas-



NAIK TARAF: Tamrin (kanan) menyerahkan dokumen kepada Sidek sambil diperhatikan Hamdin pada majlis penyerahan Galeri Tun Ghafar Baba daripada Perzim kepada Arkib Negara di Peringgit, Melaka, semalam.

tikan segala peninggalan pemimpin berjiwa rakyat itu terus dipelihara dan dijadikan sumber rujukan serta kajian bagi generasi akan datang.

"Selain itu, ia dijadikan sebagai tempat mengumpul, memelihara dan menyimpan segala koleksi bahan berkaitan Allahyarham sejak dari za-

man kanak-kanak liingga ke akhir hayatnya, merangkumi surat, dokumen, ucapan, buku, artifak, cenderamata, pingat dan anugerah yang diterima," katanya.

Sidek berkata, pihaknya juga akan membina sebuah replika rumah kelahiran Allahyarham di Kuala Pilah,

Negeri Sembilan bersebelahan memorial berkenaan.

Katanya, sehingga kini, Arkib Negara menyimpan 2,211 bahan berkaitan bekas Timbalan Perdana Menteri itu, termasuk dalam bentuk ucapan, gambar, buku, video, kaset dan pita rakaman.